**P.U. (A) 389**

# AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

## PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan


1. Nama dan permulaan kuat kuasa

2. Tafsiran

3. Borang

4. Fi

5. Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

6. Pemfailan permohonan

7. Pemeriksaan permulaan

8. Permintaan untuk pemeriksaan substantif

9. Pemeriksaan substantif

10. Bangkangan terhadap pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

11. Jawapan daripada pemohon

12. Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan

13. Penyimpanan sampel

14. Pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka

15. Daftar Varieti Baru Tumbuhan

16. Lesen wajib

17. Penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka

JADUAL-JADUAL

# AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

## PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 60 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [*Akta 634*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2008**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 20 Oktober 2008.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "Pejabat Pendaftaran" ertinya Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia.

**Borang**

3. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

**Fi**

4. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Pejabat Pendaftaran melalui apa-apa cara dan mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

**Permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka**

5. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka di bawah subseksyen 12(1) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang PVBT 1 dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika varieti tumbuhan dibiakkan, atau ditemui dan dibangunkan oleh petani, masyarakat tempatan atau pribumi, permohonan bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang PVBT 2 dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

**Pemfailan permohonan**

6. (1) Jika permohonan memenuhi kehendak di bawah seksyen 12 Akta, Pejabat Pendaftaran –

*(a)* hendaklah merekodkan tarikh pemfailan permohonan itu; dan

*(b)* hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang tarikh pemfailan dan nombor rujukan permohonan tersebut.

(2) Jika permohonan itu tidak memenuhi kehendak perenggan 12(1)*(d)* Akta, Pejabat Pendaftaran hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang pindaan yang diperlukan dan pemohon dikehendaki untuk membuat pindaan yang perlu dalam masa tiga puluh hari apabila diberitahu.

(3) Jika permohonan itu tidak memenuhi kehendak seksyen 12 Akta, Pejabat Pendaftaran hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang sebab itu.

**Pemeriksaan permulaan**

7. Jika, apabila pemeriksaan permulaan dijalankan mengikut seksyen 19 Akta, didapati bahawa kehendak di bawah seksyen 15 dan 16 Akta tidak dipatuhi, Lembaga hendaklah, mengikut subseksyen 19(2) Akta, memberitahu pemohon secara bertulis tentang pindaan yang perlu dilakukan dan pemohon dikehendaki untuk membuat pindaan itu dalam masa tiga puluh hari apabila diberitahu.

**Permintaan untuk pemeriksaan substantif**

8. (1) Permintaan untuk pemeriksaan substantif hendaklah dibuat kepada Lembaga, dalam masa tiga puluh hari apabila diberitahu, dalam Borang PVBT 3 dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Lembaga hendaklah menentukan kaedah pemeriksaan substantif seperti yang berikut:

*(a)* pemeriksaan dokumen;

*(b)* pemeriksaan di tapak;

*(c)* ujian penanaman; atau

*(d)* ujian penanaman kali kemudian (jika perlu).

**Pemeriksaan substantif**

9. Mengikut subseksyen 21(2) Akta, pemohon hendaklah memberikan pandangan tentang laporan Pemeriksa itu dan membuat pindaan yang perlu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis.

**Bangkangan terhadap pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka**

10. Mengikut seksyen 23 Akta, mana-mana orang yang berkepentingan boleh membangkang pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka dengan memberikan notis kepada Lembaga dan pemohon dalam Borang PVBT 4.

**Jawapan daripada pemohon**

11. (1) Mengikut subseksyen 24(1) Akta, pemohon hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas menerima notis bangkangan, menghantar suatu jawapan yang menyatakan alasan permohonan untuk pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka kepada Lembaga dalam Borang PVBT 5.

(2) Jika pemohon gagal untuk memberikan jawapan kepada Lembaga dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Lembaga boleh memberikan pelanjutan empat belas hari.

(3) Jika pemohon gagal untuk memberikan jawapan selepas tamatnya tiga puluh hari atau selepas tempoh itu dilanjutkan kepada empat belas hari, pemohon hendaklah disifatkan tidak lagi mahu meneruskan permohonannya itu.

**Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan**

12. Mengikut seksyen 25 Akta, pemfailan keterangan dokumentar oleh pemohon atau pembangkang hendaklah dibuat dalam Borang PVBT 6 dalam masa tiga puluh hari apabila notis diterima.

**Penyimpanan sampel**

13. (1) Mengikut seksyen 27, pemohon hendaklah menyimpan sampel biji benih atau apa-apa bahan pembiakan lain varieti tumbuhan di suatu pusat yang diluluskan oleh Lembaga dalam masa tiga bulan apabila diberitahu.

(2) Kuantiti sampel biji benih atau apa-apa bahan pembiakan lain varieti tumbuhan yang akan disimpan oleh pemohon adalah seperti yang berikut:

*(a)* biji benih – 1000 biji atau 10 gram, mengikut mana-mana yang sesuai; atau

*(b)* bahan pembiakan lain – 10 pokok.

**Pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka**

14. Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka kepada pemohon –

*(a)* dalam Borang PVBT 7, bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka di bawah subseksyen 12(1) Akta; atau

*(b)* dalam Borang PVBT 8, bagi pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka jika varieti baru tumbuhan itu dibiakkan, atau ditemui dan dibangunkan oleh petani, masyarakat tempatan atau pribumi.

**Daftar Varieti Baru Tumbuhan**

15. (1) Mana-mana orang boleh memohon untuk memeriksa Daftar Varieti Baru Tumbuhan dengan mengemukakan notis awal empat belas hari secara bertulis kepada Lembaga.

(2) Mana-mana orang boleh meminta suatu salinan atau cabutan yang diperakui sah mana-mana catatan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan kepada Lembaga dalam Borang PVBT 9 dan permintaan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

**Lesen wajib**

16. (1) Menurut subseksyen 36(2) Akta, pemegang hak pembiak baka hendaklah membuat representasi dalam masa tiga puluh hari dari tarikh diberitahu tentang niat Lembaga untuk memberikan lesen wajib.

(2) Apabila menimbangkan representasi pemegang hak pembiak baka, atau jika tiada representasi diterima dalam masa tiga puluh hari sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Lembaga hendaklah menyifatkan bahawa pemegang hak pembiak baka tiada bantahan dan hendaklah memberikan lesen wajib dalam masa enam puluh hari dan memaklumkan pemegang hak pembiak baka tentang keputusannya.

(3) Jika Lembaga memberikan lesen wajib, Lembaga hendaklah mengiklankan dalam surat khabar tempatan utama dengan mempelawa penduduk setempat yang berminat untuk memohon untuk menjadi pemegang lesen.

(4) Permohonan di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang PVBT 10.

(5) Tempoh lesen wajib di bawah perenggan 37*(b)* Akta hendaklah berdasarkan tahun ke tahun.

**Penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka**

17. Sesuatu permohonan untuk penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka hendaklah dibuat dalam Borang PVBT 11 dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 3)

**BORANG PVBT 1**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

[Subperaturan 5(1)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini berserta fi yang ditetapkan***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

| **Rujukan fail pemohon** | Tarikh pemfailan :________________<br>Amaun fi :________________<br>No. resit : _______________ |
|---|---|

**BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama *pemohon
   ______________________________________________
2. Alamat pemohon
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________

No. K.P./No. Pendaftaran
Syarikat : _________________________
Warganegara: _________________________
Telefon : _________________________
Faks : _________________________
E-mel : _________________________

**BUTIR-BUTIR EJEN**

2a. Nama **ejen
______________________________________________
Alamat ejen
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

No. K.P./No.
Pendaftaran Syarikat: ___________________
Warganegara: _________________________
Telefon : _________________________
Faks : _________________________
E-mel : _______________________

| |
|---|
| 2b. Sila lampirkan surat pelantikan ejen. |

| **BUTIR-BUTIR PEMBIAK BAKA TUMBUHAN** | |
|---|---|
| 3a.Nama ***pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>Alamat pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>______________________________<br>______________________________ | No. K.P./<br>No.Pasport: __________________<br>Warganegara:__________________<br>Telefon : __________________<br>Faks :__________________<br>E-mel : __________________<br>Hubungan dengan pemohon: _________<br>(*Contoh: majikan, pekerja*) |
| 3b.Nama ***pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>Alamat pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>______________________________<br>______________________________ | No. K.P./<br>No. Pasport:__________________<br>Warganegara:__________________<br>Telefon :__________________<br>Faks :__________________<br>E-mel :__________________<br>Hubungan dengan<br>pemohon:____________________<br>(Contoh: majikan, pekerja) |
| 3c.Nama ***pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>Alamat pembiak baka tumbuhan<br>______________________________<br>______________________________<br>______________________________ | No. K.P./<br>No. Pasport:__________________<br>Warganegara:__________________<br>Telefon :__________________<br>Faks :__________________<br>E-mel :__________________<br>Hubungan dengan<br>pemohon:____________________<br>(Contoh: majikan, pekerja) |

## NAMA PENGENALAN VARIETI

4. Nama pengenalan varieti : ____________________ (Keutamaan pertama)
____________________ (Keutamaan kedua)
____________________ (Keutamaan ketiga)

Rujukan pembiak baka tumbuhan : ____________________

Nama biasa tumbuhan : ____________________

Nama botani : __________ __________
(Genus) (Spesies)

## BUTIR-BUTIR VARIETI TUMBUHAN

5. Butir-butir pembangunan varieti (*sila tandakan satu sahaja*)

( ) Program Pembiakbakaan Konvensional ____________________
(*Nyatakan jurang induk*)

( ) Mutasi teraruh ____________________
(*Nyatakan bahan induk*)

( ) Pengubahsuaian genetik ____________________
(*Sila sertakan dokumen berkenaan*)
*(Sila rujuk perenggan 12(1)(h) Akta)*

( ) Lain-lain (*Sila perihalkan*) ____________________

6. Cara pendebungaan

( ) Pendebungaan sendiri

( ) Pendebungaan kacuk

7. Adakah varieti ini tertakluk kepada kehendak permit import kuarantin tumbuhan dan fitosanitari sebelum dibawa masuk ke Malaysia? (*Tidak terpakai bagi varieti tempatan*)

( ) Ya (*sila sertakan satu salinan permit dan perakuan*)

( ) Tidak

8. Adakah varieti ini telah dijual di pasaran tempatan?

( ) Ya

Jika ya, nyatakan

a. Tarikh mula dijual : ____________________

b. Nama dagangan : ____________________

( ) Tidak

9. Adakah varieti ini telah dijual di pasaran asing?

( ) Ya

Jika ya, nyatakan

a. Tarikh mula dijual : ____________________

b. Nama dagangan : ____________________

( ) Tidak

10. Adakah permohonan untuk hak pembiak baka telah difailkan di negara asing?

( ) Ya (sertakan salinan sijil asal yang diperakui)

a. Nama negara :

b. Tarikh permohonan diserahkan :

c. Tarikh hak pembiak baka tumbuhan diberikan :

( ) Tidak

11. Nyatakan perbezaan antara Varieti Pemohon dengan Varieti Rujukan

Varieti Rujukan: ___________________________________________

| ***Morfologi*** | ***Ciri Varieti Pemohon*** | ***Ciri Varieti Rujukan*** | ***Perbezaan*** *(disokong dengan gambar)* |
|---|---|---|---|
| Tabiat pertumbuhan | _______________ | _______________ | __________________ |
| Batang | _______________ | _______________ | __________________ |
| Biji benih | _______________ | _______________ | __________________ |
| Bunga | _______________ | _______________ | __________________ |
| Buah | _______________ | _______________ | __________________ |
| Daun | _______________ | _______________ | __________________ |
| Lain-lain | _______________ | _______________ | __________________ |

12. Perihalkan bagaimana varieti disenggarakan

____________________________________________________________

____________________________________________________________

____________________________________________________________

____________________________________________________________

____________________________________________________________

Saya mengaku bahawa semua butir-butir di atas adalah benar dan tepat.

Saya sertakan bersama-sama ini ****Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Draf Bank No. ________________ sebanyak RM100.00 sebagai fi pemfailan.

Tandatangan : ______________________________

Nama ****Pemohon/Ejen : ______________________________

Tarikh : ______________________________

Nota:

* Pemohon merujuk kepada individu, syarikat atau agensi kerajaan.

** Ejen merujuk kepada penduduk Malaysia yang telah dilantik untuk mewakili pemohon yang tempat tinggalnya atau tempat perniagaannya di dalam atau di luar Malaysia.

*** Pembiak baka merujuk kepada orang yang bertanggungjawab bagi membiak baka varieti baru. Pembiak baka boleh menjadi pemohon sendiri atau pekerja pemohon (syarikat).

****Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**BORANG PVBT 2**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

***(DITEMUI DAN DIBANGUNKAN OLEH PETANI, MASYARAKAT TEMPATAN ATAU PRIBUMI)***

[Subperaturan 5(2)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini berserta fi yang ditetapkan***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

| **Rujukan fail pemohon** | |
|---|---|
| | Tarikh pemfailan : ____________________<br>Amaun fi : ____________________<br>No. Resit : ____________________ |

**BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama *pemohon
   ______________________________________________
   Alamat pemohon
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________

No. K.P./No. pendaftaran syarikat : ______________________
Warganegara : ______________________
No. telefon : ______________________
Faks : ______________________
E-mel : ______________________

**BUTIR-BUTIR EJEN**

2a.Nama **ejen
______________________________________________
Alamat ejen
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

Organisasi : ______________________
Telefon : ______________________
Faks : ______________________
E-mel : ______________________

2b. Sila lampirkan ***Surat Kebenaran

## NAMA PENGENALAN VARIETI

3. Nama pengenalan varieti : ____________________ (Keutamaan pertama)
____________________ (Keutamaan kedua)
____________________ (Keutamaan ketiga)

Rujukan pembiak baka tumbuhan :____________________

Nama biasa tumbuhan : ____________________

Nama botani : __________ __________
(Genus) (Spesies)

## BUTIR-BUTIR VARIETI TUMBUHAN

4. Butir-butir pembangunan varieti

Bila ditemui : ____________________

Di mana ditemui : ____________________

Bagaimana ditemui : ____________________

5. Kaedah pembiakan

( ) Biji benih
( ) Keratan
( ) Cantuman
( ) Tuber
( ) Lain-lain

6. Adakah varieti ini telah dijual di pasaran tempatan?

( ) Ya
Jika ya, nyatakan
a. Tarikh mula dijual : __________
b.Nama dagangan : __________

( ) Tidak

7. Adakah varieti ini telah dijual di pasaran asing?
( ) Ya
Jika ya, nyatakan
a.Tarikh mula dijual : __________
b. Nama dagangan : __________

( ) Tidak

8. Nyatakan perbezaan antara Varieti Pemohon dengan Varieti Rujukan

Varieti Rujukan: ___________________________________________

| *Morfologi* | *Ciri varieti pemohon* | *Ciri varieti rujukan* | *Perbezaan* (*disokong oleh gambar*) |
|---|---|---|---|
| Tabiat pertumbuhan | _______________ | _______________ | __________________ |
| Batang | _______________ | _______________ | __________________ |
| Biji benih | _______________ | _______________ | __________________ |
| Bunga | _______________ | _______________ | __________________ |
| Buah | _______________ | _______________ | __________________ |
| Daun | _______________ | _______________ | __________________ |
| Lain-lain | _______________ | _______________ | __________________ |

9. Perihalkan bagaimana varieti disenggarakan

_____________________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________

Saya mengaku bahawa semua butir-butir di atas adalah benar dan tepat.

Saya sertakan bersama-sama ini ****Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Draf Bank No. _________________ sebanyak RM100.00 sebagai fi pemfailan.

Tandatangan : ______________________________
Nama pemohon: ______________________________
Tarikh : ______________________________

Nota:

* Pemohon merujuk kepada masyarakat tempatan dan pribumi.

** Ejen merujuk kepada penduduk Malaysia yang dilantik untuk mewakili pemohon (petani tempatan), agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang mewakili masyarakat tempatan dan pribumi.

*** Surat kebenaran pihak berkuasa yang mewakili masyarakat tempatan atau pribumi dalam hal jika varieti tumbuhan itu dibangunkan daripada varieti tradisional.

**** Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## BORANG PVBT 3

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

## PERMINTAAN UNTUK PEMERIKSAAN SUBSTANTIF

[Subperaturan 8(1)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini berserta fi yang ditetapkan***

### UNTUK KEGUNAAN RASMI

Permohonan diterima pada :______________________________
Fi diterima pada : ______________________________
Amaun fi : ______________________________
No. resit : ______________________________

### DALAM PERKARA:

Rujukan fail pemohon: ___________________ Notis diterima pada : __________________

### *PEMOHON/EJEN

Nama :________________________________________________________
Alamat :________________________________________________________
________________________________________________________

### PERMINTAAN

Pemohon meminta pemeriksaan substantif dijalankan mengikut subseksyen 20(2) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Varieti Tumbuhan.

( ) Pemeriksaan Dokumen (RM 500.00)
( ) Pemeriksaan di Tapak (RM 1,500.00)
( ) Ujian Penanaman (RM 2,500.00)
( ) Ujian Penanaman Kemudian (RM 1,000.00)

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Lokasi varieti pemohon : ______________________________

Umur tumbuhan : ______________________________

Bilangan tumbuhan : ______________________________

Umur matang : ______________________________

Jangkaan masa berbunga : ______________________________

## PENGAKUAN

a. Saya bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada Lembaga semasa menjalankan pemeriksaan substantif.

b. Saya bersetuju untuk membekalkan kuantiti sampel biji benih atau apa-apa bahan pembiakan lain varieti tumbuhan sebagaimana yang diminta oleh Lembaga.

c. Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan tepat.

d. Saya sertakan bersama-sama ini *Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Draf Bank No. ________________ sebanyak *RM 500.00 / RM 1,500.00 / RM 2,500.00 sebagai fi pemeriksaan substantif.

e. Saya bersetuju untuk membayar wang sejumlah RM 1,000.00 bagi maksud menjalankan ujian penanaman kemudian, jika perlu.

Tandatangan : ______________________

Nama *Pemohon/Ejen : ______________________

Tarikh : ______________________

Nota:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**BORANG PVBT 4**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**BANGKANGAN TERHADAP PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

[Peraturan 10]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Nama pemohon : ____________________
Rujukan fail pemohon : ____________________
No. rujukan pembangkang : ____________________

**PEMBANGKANG**

Nama : ____________________
Alamat : ____________________
____________________
No. K.P./No. Pasport (Individu) : ____________________
No. pendaftaran syarikat (Syarikat) : ____________________
Telefon : ____________________
Faks : ____________________
E-mel : ____________________

**VARIETI YANG DIBANGKANG**

Nama pengenalan varieti : ____________________
Nama botani : __________ (Genus) __________ (Spesies)

| **NOMBOR RUJUKAN *WARTA*** |
| --- |
| ____________________________________________ |
| **ALASAN UNTUK PEMBANGKANG**<br>[Sila tandakan (/)]<br>[Sila nyatakan dan sertakan dokumen sokongan jika berkenaan] |
| (   ) Pelanggaran hak (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Kebaharuan (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Nama pengenalan (*sila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Keseragaman (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Kestabilan (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Kesan negatif terhadap alam sekitar (s*ila nyatakan*) ______________________________<br>(   ) Lain-lain (s*ila nyatakan*) ______________________________ |
| **PENGAKUAN** |
| Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di sini adalah benar dan tepat.<br><br>Tandatangan: ____________________ Tarikh:____________________<br>(Pembangkang) |

**BORANG PVBT 5**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

## JAWAPAN DARIPADA PEMOHON

[Subperaturan 11(1)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Rujukan fail pemohon :__________________________________________
Jawapan diterima pada :__________________________________________
Nama pembangkang :__________________________________________
No. rujukan pembangkang :__________________________________________

***PEMOHON/EJEN**

Nama :__________________________________________
Alamat :__________________________________________
:__________________________________________
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat :__________________________________________
Telefon :__________________________________________
Faks :__________________________________________

**VARIETI YANG DIBANGKANG**

Nama pengenalan varieti :__________________________________________
Nama botani :____________________ ____________________
(Genus) (Spesies

**NOMBOR RUJUKAN *WARTA***

____________________________________________________________

**JAWAPAN KEPADA ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PEMBANGKANG**

a. Isu yang dibangkitkan : ____________________________________________
____________________________________________
____________________________________________

b. Jawapan kepada isu yang dibangkitkan : ____________________________________________
____________________________________________
____________________________________________

c. Keterangan dokumentar sebagai sokongan (*jika ada*) : ____________________________________________
____________________________________________
____________________________________________

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di sini adalah benar dan tepat.

Tandatangan: ______________________ Tarikh: ____________________________
(*Pemohon/Ejen)

Nota:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**BORANG PVBT 6**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

## PEMFAILAN KETERANGAN DOKUMENTAR SEBAGAI SOKONGAN

[Peraturan 12]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Nama pemohon :_____________________________________________
Rujukan fail pemohon :_____________________________________________
Jawapan diterima pada :_____________________________________________
Nama pembangkang :_____________________________________________
No. rujukan pembangkang :_____________________________________________

***PEMOHON/EJEN/PEMBANGKANG**

Nama :_____________________________________________
Alamat :_____________________________________________
:_____________________________________________
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat :_____________________________________________
Telefon :_____________________________________________
Faks :_____________________________________________

**VARIETI YANG DIBANGKANG**

Nama pengenalan varieti :_____________________________________________
Nama botani :____________________ ______________________
(Genus) (Spesies)

**NOMBOR RUJUKAN *WARTA***

___________________________________________________________________________

## ISU YANG DIPERTIKAIKAN

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

## KETERANGAN DOKUMENTAR YANG DISERAHKAN

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di sini adalah benar dan tepat.

Tandatangan: ________________________ Tarikh: ___________________________

(*Pemohon/Ejen/Pembangkang)

Nota:

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**BORANG PVBT 7**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERAKUAN PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

[Perenggan 14*(a)*]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

*Dengan ini diperakui bahawa varieti tumbuhan yang butir-butir diberikan di bawah telah didaftarkan di bawah seksyen 28 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634], oleh Lembaga Varieti Tumbuhan dan diberikan kepada*

*Nombor Pendaftaran* ___________________________

**BUTIR-BUTIR VARIETI TUMBUHAN**

Nama pemegang hak pembiak baka :______________________________________________________
Nama biasa tumbuhan :______________________________________________________
Nama botani :______________________________________________________
Nama pengenalan varieti :______________________________________________________
Tempoh perlindungan :________________ tahun ( _______________ hingga _______________ )

**TERMA DAN SYARAT**

1. Pemberian hak pembiak baka adalah berasaskan subseksyen 14(1) Akta.
2. Pemegang hak pembiak baka akan mematuhi semua kewajipan di bawah seksyen 35 Akta.
3. Pemegang hak pembiak baka akan mematuhi semua fi yang diperuntukkan dalam peraturan 4.

Tandatangan :__________________________________________
(Pengerusi Lembaga Varieti Tumbuhan)

Nama :__________________________________________

Tarikh :__________________________________________



| PEMBAHARUAN TAHUNAN | | |
|---|---|---|
| 1. | 10. | 19. |
| 2. | 11. | 20. |
| 3. | 12. | 21. |
| 4. | 13. | 22. |
| 5. | 14. | 23. |
| 6. | 15. | 24. |
| 7. | 16 | 25. |
| 8. | .17. | 26. |
| 9. | 18. | 27. |

| PINDAH MILIK PEMUNYAAN HAK PEMBIAK BAKA | | | |
|---|---|---|---|
| Nama pemegang hak pembiak baka baru | No. K.P. / No. Pendaftaran Syarikat | Tarikh pindah milik hak | Kelulusan oleh Lembaga |
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

**BORANG PVBT 8**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERAKUAN PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

***(DITEMUI DAN DIBANGUNKAN OLEH PETANI, MASYARAKAT TEMPATAN ATAU PRIBUMI)***

[Perenggan 14*(b)*]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

*Dengan ini diperakui bahawa varieti tumbuhan yang butir-butirnya terdapat di bawah telah didaftarkan di bawah seksyen 28 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634], oleh Lembaga Varieti Tumbuhan dan diberikan kepada*

*Nombor Pendaftaran* __________________________

**BUTIR-BUTIR VARIETI TUMBUHAN**

Nama pemegang hak pembiak baka :_________________________________________________

Nama biasa tumbuhan :_________________________________________________

Nama botani :_________________________________________________

Nama pengenalan varieti :_________________________________________________

Tempoh perlindungan :______________tahun ( _______________ hingga ______________ )

**TERMA DAN SYARAT**

1. Pemberian hak pembiak baka adalah berasaskan kepada subseksyen 14(2) Akta.
2. Pemegang hak pembiak baka akan mematuhi semua kewajipan di bawah seksyen 35 Akta.
3. Pemegang hak pembiak baka akan mematuhi semua fi yang diperuntukkan dalam peraturan 4.

Tandatangan: ______________________________________

(Pengerusi Lembaga Varieti Tumbuhan)

Nama: ______________________________________

Tarikh: ______________________________________

| PEMBAHARUAN TAHUNAN | | |
|---|---|---|
| 1. | 10. | 19. |
| 2. | 11. | 20. |
| 3. | 12. | 21. |
| 4. | 13. | 22. |
| 5. | 14. | 23. |
| 6. | 15. | 24. |
| 7. | 16. | 25. |
| 8. | 17. | 26. |
| 9. | 18. | 27. |

| PINDAH MILIK PEMUNYAAN HAK PEMBIAK BAKA | | | |
|---|---|---|---|
| Nama pemegang hak pembiak baka baru | No. K.P. / No. pendaftaran syarikat | Tarikh pindah milik hak | Kelulusan oleh Lembaga |
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

**BORANG PVBT 9**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERMINTAAN UNTUK SALINAN ATAU CABUTAN DAFTAR VARIETI BARU TUMBUHAN YANG DIPERAKUI**

[Subperaturan 15(2)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini berserta fi yang ditetapkan***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Rujukan fail pemohon :______________________________

Permintaan diterima pada :______________________________

Fi diterima pada :______________________________

Amaun fi : ______________________________

No. resit : ______________________________

**PEMOHON**

Nama :______________________________

Alamat :______________________________

______________________________

**PERMINTAAN**

Saya meminta Lembaga Varieti Tumbuhan untuk mengeluarkan satu salinan atau cabutan Daftar Varieti Baru Tumbuhan yang diperakui untuk varieti berikut:

Nama pengenalan varieti:

1.______________________________

2.______________________________

3.______________________________

| **PENGAKUAN** |
| --- |
| Saya sertakan bersama-sama ini *Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Draf Bank No. ________________<br>sebanyak RM ______________ (RM 10.00/varieti) bagi maksud yang dinyatakan di atas.<br><br>Tandatangan: ____________________ Tarikh: ___________________________<br>(Pemohon)<br><br>Nota:<br>* Potong mana-mana yang tidak berkenaan |

**BORANG PVBT 10**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERMOHONAN LESEN WAJIB**

[Subperaturan 16(4)]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Rujukan fail pemohon :______________________________
Permohonan diterima pada :______________________________

**DALAM PERKARA**

No. Pendaftaran Perakuan : ____________________
Nama pengenalan varieti : ____________________
Nama pemegang hak : ____________________

Tempoh perlindungan :_____________________

***PEMOHON**

Nama :_______________________________________________
Alamat :_______________________________________________
_______________________________________________
_______________________________________________
Tempat perniagaan utama :_______________________________________
_______________________________________
_______________________________________
Telefon : _______________________________________
Faks : _______________________________________
E-mel : _______________________________________

## PERMINTAAN

Pemohon di atas memohon kepada Lembaga Varieiti Tumbuhan dan meminta pemberian lesen wajib untuk varieti yang dilindungi di atas di bawah seksyen 36 Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004

## JENIS PERNIAGAAN

[ ] Pertanian

[ ] Bukan pertanian

## SILA PERIHALKAN PENGALAMAN ANDA

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

______________________________________________________________

## PENGAKUAN

(a) Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar dan tepat.

(b) Saya juga bersetuju untuk mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Varieti Tumbuhan.

Tandatangan : ______________________________

Tarikh : ______________________________

Nama : ______________________________

(*Pemohon*)

Nota:

* Pemohon merujuk kepada individu, agensi atau syarikat.

**BORANG PVBT 11**

AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2008

**PERMOHONAN UNTUK PENYERAHHAKAN ATAU PERPINDAHAN HAK PEMBIAK BAKA**

[Peraturan 17]

**KEPADA:**

**Pejabat Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan**
**Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman**
**Jabatan Pertanian Malaysia**

***Sila serahkan satu salinan borang ini berserta fi yang ditetapkan***

**UNTUK KEGUNAAN RASMI**

Rujukan fail pemohon :________________________________

Tarikh permohonan diterima:________________________________

Tarikh fi diterima :________________________________

Amaun fi :________________________________

No. resit :________________________________

**DALAM PERKARA**

| | |
|---|---|
| No. Pendaftaran Perakuan :________________ | Tarikh pemberian : ________________ |

**BUTIR-BUTIR PEMEGANG HAK PEMBIAK BAKA SEMASA**

Nama :________________________________

Alamat :________________________________

:________________________________

:________________________________

Tempat perniagaan utama:________________________________

________________________________

________________________________

Telefon : ________________________________

Faks : ________________________________

## PERMOHONAN

Pemunya baru di bawah memohon kepada Lembaga Varieti Tumbuhan untuk meminta penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka direkodkan dalam **PERAKUAN PENDAFTARAN VARIETI BARU TUMBUHAN DAN PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA**

## BUTIR-BUTIR PEMEGANG HAK PEMBIAK BAKA YANG BARU

Nama : ______________________________

Alamat kediaman : ______________________________

______________________________

______________________________

Alamat perniagaan : ______________________________

______________________________

______________________________

Warganegara : ______________________________

Telefon: : ______________________________

Faks: : ______________________________

E-mel: : ______________________________

## MAKLUMAT TAMBAHAN YANG DIKEHENDAKI

(a) satu salinan penyerahhakan asal atau yang diperakui yang ditandatangani oleh atau bagi pihak yang berkontrak

(b) dokumen lain yang membuktikan pertukaran pemunyaan (*sila nyatakan*)

______________________________

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar dan tepat

Saya sertakan bersama-sama ini *Wang Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Draf Bank No. _________________ sebanyak RM100.00 bagi maksud yang dinyatakan di atas.

Tandatangan : _____________________ Tarikh : ____________________________

(Nama : )

*(Pemunya baru/Ejen pemunya baru)

Nota:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

**[Subperaturan 4(1)]**

**FI**

| **(1)**<br>**Bil.** | **(2)**<br>**Perkara** | **(3)**<br>**Fi (RM)** | **(4)**<br>**Borang** |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemfailan (setiap permohonan) | 100.00 | PVBT 1<br>PVBT 2 |
| 2. | Permintaan untuk pemeriksaan substantif | | PVBT 3 |
| | *(a)* Pemeriksaan dokumen; | 500.00 | |
| | *(b)* Pemeriksaan di tapak; | 1,500.00 | |
| | *(c)* Ujian penanaman; | 2,500.00 | |
| | *(d)* Ujian penanaman kali kemudian (jika perlu) | 1,000.00 | |
| 3. | Bangkangan terhadap pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka | - | PVBT 4 |
| 4. | Jawapan daripada pemohon | - | PVBT 5 |
| 5. | Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan | - | PVBT 6 |
| 6. | Perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka | - | PVBT 7 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | Perakuan pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka (Ditemui dan dibangunkan oleh petani, masyrakat tempatan atau pribumi) | - | PVBT 8 |
| 8. | Permintaan untuk salinan atau cabutan Daftar Varieti Baru Tumbuhan yang diperakui | 10.00 | PVBT 9 |
| 9. | Permohonan lesen wajib | - | PVBT 10 |
| 10. | Permohonan untuk penyerahhakan atau perpindahan hak pembiak baka | 100.00 | PVBT 11 |

Dibuat 25 September 2008

[KP/LA/483/18 Jld. 2; PN(PU2)667]

DATO' MUSTAPA B. MOHAMED
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*